



NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

(Berkuatkuasa pada: 01/12/2025)
(Terakhir dikemaskini pada: 01/12/2025)

PENGENALAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited untuk melindungi data peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA).

Notis Perlindungan Data Peribadi ini menerangkan bagaimana MCMC mengumpul, menggunakan, menyimpan, mendedahkan dan melindungi data peribadi anda apabila anda berurusan dengan MCMC, terutamanya dalam konteks transaksi berkaitan hasil seperti pembayaran yuran, sewaan, permohonan perkhidmatan, pelesenan, atau sebarang interaksi komersial lain melalui sistem hasil kami.

MCMC mungkin mengumpul data peribadi anda secara langsung melalui portal dalam talian, borang fizikal, e-mel, atau semasa interaksi berkaitan perkhidmatan yang disediakan. Data anda hanya akan diproses untuk tujuan yang berkaitan secara langsung dengan hubungan anda bersama MCMC dan selaras dengan prinsip-prinsip PDPA.

PENGUMPULAN

Kami mengumpul data peribadi iaitu, nama, nombor kad pengenalan, alamat e-mel dan nombor telefon bimbit.

SUMBER PENGUMPULAN

Kami mendapatkan data peribadi anda daripada Borang Pendaftaran Pelanggan.

TUJUAN PENGUMPULAN

Kami mengumpul data peibadi anda untuk:

1. Memproses bayaran anda kepada MCMC.
2. Mengeluarkan invois kepada anda.
3. Mengeluarkan resit rasmi kepada anda.

CONFIDENTIAL

BAGAIMANA DIPROSES

Kami memproses data peribadi anda hanya di dalam Malaysia sahaja. Tiada data peribadi yang dipindahkan ke luar Malaysia.

PENZAHIRAN

Kami akan menzahirkan data peribadi anda kepada institusi perbankan kami melalui rangkaian pembayaran yang sah bagi tujuan memudahkan urusan kewangan.

LANGKAH KESELAMATAN

Kami mengambil langkah-langkah berikut untuk melindungi data peribadi anda:

1. Memastikan data peribadi anda disimpan dengan sebaiknya mengikut kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
2. Memastikan kakitangan kami tidak menyalahgunakan data peribadi anda.
3. Melengkapkan ciri-ciri keselamatan yang diperlukan pada sistem teknologi maklumat dan komunikasi kami.
4. Mempunyai kontrak perlindungan data peribadi dengan pihak pembekal sistem yang dilantik.

Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab untuk menjaga kata laluan dengan baik dan tidak menzahirkannya kepada pihak lain bagi mengelakkan risiko pencerobohan terhadap data peribadi anda.

TEMPOH PENYIMPANAN

Data peribadi anda akan disimpan hanya untuk tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Setelah tempoh penyimpanan tamat atau apabila data tidak lagi diperlukan, ia akan dilupuskan secara kekal atau diarkibkan.

HAK ANDA

Anda berhak untuk:

1. Membetulkan / mengemas kini data peribadi anda di Platform Sistem Hasil yang anda telah daftarkan.
2. Mengakses data peribadi anda yang kami simpan.
3. Menghentikan surat berita atau promosi terkini kami kepada anda, jika ada.

CONFIDENTIAL

4. Menarik balik persetujuan memproses data peribadi. Sila ambil perhatian, sekiranya kebenaran anda ditarik balik, anda tidak akan dapat meneruskan urusan bagi perkhidmatan baharu atau diperbaharui dengan MCMC.

PERUBAHAN KEPADA NOTIS INI

Notis ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa selaras dengan keperluan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA). Sila semak versi terkini notis ini melalui pautan laman sesawang rasmi MCMC yang akan diberikan kepada anda selepas proses pendaftaran.

HUBUNGI KAMI

Anda boleh menghubungi kami atau mengemukakan sebarang pertanyaan berhubung pemrosesan data peribadi anda melalui butiran berikut, berdasarkan sistem yang anda gunakan :

MCMC Supplier Management and Relationship System (MSMART)

Nama: Syafiq Ikhwan Mohd Yatim

Jawatan: Assistant Director

No. Telefon: 03-8688 7832

Alamat e-mel: syafiq.mohdyatim@mcmc.gov.my

SKMM Examination Management System (SEMS)

Nama: Mohd Haffiz Mohamad

Jawatan: Assistant Director

No. Telefon: 03-8688 8363

Alamat e-mel: haffiz.mohamad@mcmc.gov.my

SERVEDECK

Nama: Nabila Hanis Hasnol/Nur Syaza Dahlia Shuib

Jawatan: Assistant Director/Assistant Director

No. Telefon: 03-8688 8096

Alamat e-mel: nabila.hasnol@mcmc.gov.my; nursyaza.shuib@mcmc.gov.my